

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.05.2016

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. senarai pakar luar negara yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Airlines Berhad (MAB); dan
- b. berapakah pendapatan yang mereka peroleh sebagai Ahli Lembaga Pengarah MAB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang telah dilancarkan oleh Khazanah Nasional Bhd pada 29

Ogos 2014 memberi tumpuan kepada 12 bidang utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan. Bagi memperkukuhkan lagi komposisi Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi syarikat, MAB telah melantik dua orang pakar dari luar negara sebagai Pengarah Eksekutif syarikat iaitu Christoph Muller, Ketua Pegawai Eksekutif dan Peter Bellew, Ketua Pegawai Operasi.

Kedua-dua pegawai yang dilantik tidak menerima sebarang ganjaran sebagai Ahli Lembaga Pengarah (ALP) memandangkan kedua-duanya merupakan Pengarah Eksekutif yang dibayar gaji tetap bulanan mengikut jawatan yang disandang.